

## TERMA DAN SYARAT “KEMPEN SAVE ON SHELL”

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen Save on Shell” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **08 Ogos 2020** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **18 September 2020** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“T&S”) adalah seperti berikut:

### KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Kredit Utama dan Tambahan HLB (“**Pemegang Kad yang Layak**”). Bagi mengelakkan keraguan, Kad Kredit Utama dan Tambahan HLB akan disebut “**Kad HLB**”.
2. Pemegang Kad HLB yang tidak layak adalah:
  - a) Pemegang Kad HLB yang memiliki Kad HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - b) Pemegang Kad HLB yang akaun mereka tidak berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB yang telah ditutup atau tak aktif (“**CASA**”) atau melanggar mana-mana terma dan syarat HLB mengenai akaun Kad Kredit dan/atau Debit dan/atau CASA pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi
  - c) Pemegang Kad HLB di mana Kad yang tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; dan / atau
  - d) Pemegang Kad HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### KAEDAH KEMPEN & KRITERIA PENYERTAAN

3. Pemegang kad berhak menerima Ringgit Malaysia Empat (RM4) Shell E-Baucar (“**E-Baucar**”) bagi setiap perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) yang dilakukan di bawah Kategori Perbelanjaan dalam satu resit semasa Tempoh Kempen (“**Perbelanjaan Kelayakan**”) seperti mana yang tertera dalam Jadual 1 di bawah dan tertakluk dalam terma dan syarat (“**Pemegang Kad yang Layak**”).

Jadual 1

Kategori Perbelanjaan	Perbelanjaan Kelayakan	Jumlah E-Baucar
Perbelanjaan Petrol <sup>1</sup> di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC): 5541 & 5542 di Stesen Shell sahaja	RM50 dalam satu resit	RM4 E-Baucar

4. <sup>1</sup>“**Perbelanjaan Petrol**” bermakna apa-apa transaksi dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) dan/atau mata wang lain menggunakan Kad fizikal di Stesen Shell di bawah Kod Kategori Peniaga (“**MCC**”).

MCC	Penerangan
5541	Stesen Perkhidmatan (Dengan atau Tanpa Perkhidmatan Tambahan)
5542	Fuel Dispenser, Automatik

5. Untuk mengelak sebarang keraguan, Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah akaun kad HLB Pemegang Kad Kredit Utama juga akan dimasukkan dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Utama bagi E-Baucar.
6. Penentuan MCC bagi peniaga itu dilaksanakan oleh bank yang menyediakan terminal peniaga berkenaan dan bank berkenaan itu bertanggungjawab menentukan MCC yang betul. Perbelanjaan tidak akan memenuhi syarat sekiranya salah penentuan MCC oleh bank pemerolehan.

#### **PENGISIAN KEMPEN**

7. Pemilihan Pemegang Kad yang layak menerima E-Baucar:
  - a) E-Baucar akan diberikan kepada Pemegang Kad yang layak berdasarkan siapa cepat dia dapat.
  - b) Setiap Pemegang Kad yang Layak hanya akan menerima satu (1) E-Baucar bernilai Ringgit Malaysia Empat (RM4) dua minggu sekali seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.
8. Setiap Pemegang Kad yang layak akan menerima maksimum tiga (3) E-Baucar bernilai Ringgit Malaysia Dua Belas (RM12) sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan siapa cepat dia dapat.
9. Jumlah peruntukan E-Baucar bagi Kempen ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu (RM400,000) dengan had mingguan sepanjang Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah. HLB tidak bertanggungjawab untuk memberitahu Pemegang Kad yang layak sekiranya peruntukan E-Baucar telah mencapai hadnya.

Jadual 2

Minggu Pengisian	Tarikh	No E-Baucar bagi setiap Pemegang Kad yang layak	Jumlah Had Mingguan E-Baucar	Jumlah peruntukan E-Baucar
1	Minggu 1: 8 Ogos 2020 – 14 Ogos 2020	1	RM67,000	RM400,000
	Minggu 2: 15 Ogos 2020 – 21 Ogos 2020		RM67,000	
2	Minggu 3: 22 Ogos 2020 – 28 Ogos 2020	1	RM67,000	
	Minggu 4: 29 Ogos 2020 – 4 Sept 2020		RM67,000	
3	Minggu 5: 5 Sept 2020 – 11 Sept 2020	1	RM67,000	
	Minggu 6: 12 Sept 2020 – 18 Sept 2020		RM65,000	

10. E-Baucar akan dihantar melalui e-mel ke alamat e-mel Pemegang Kad yang layak dalam masa sepuluh (10) hari bekerja selepas berakhirnya setiap Minggu Pengisian ("**Tarikh Pemberitahuan**"). Semasa menghantar E-Baucar melalui e-mel, semua akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mesti tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB, jika tidak Pemegang Kad yang Layak akan secara automatik terlucah kelayakannya daripada menerima E-Baucar. Pemegang Kad yang Layak tetapi tidak menerima e-mel pada Tarikh Pemberitahuan dianggap tidak layak untuk E-Baucar.
11. E-Baucar akan diberikan berdasarkan tarikh dan/atau waktu transaksi (Tarikh dan/atau Waktu Malaysia) yang dirakamkan dalam rekod HLB. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Pemegang Kad yang Layak yang melakukan transaksi pada tarikh dan/atau waktu yang sama, maka

Pulangan Tunai akan diberi kepada Pemegang Kad Layak yang mempunyai amaun Perbelanjaan Kelayakan tertinggi yang terakam dalam sistem HLB.

12. E-Baucar adalah sah untuk nilai yang dinyatakan pada baucar sehingga 23:59pm pada tarikh luput yang dinyatakan pada E-Baucar.
13. E-Baucar hanya akan dapat ditebus di Stesen Shell untuk Perbelanjaan Petrol berikut sahaja: Shell Fuel Save 95, Shell V-Power 97, Shell V-Power Racing, Shell FuelSave Diesel and Shell Diesel Euro 5.
14. Pemegang Kad yang Layak hanya dibenarkan untuk menebus maksimum dua (2) E-Baucar dalam satu (1) transaksi tunggal. Pemegang Kad yang Layak diminta untuk melakukan dua (2) transaksi berasingan bagi mereka yang memiliki tiga (3) E-Baucar untuk menebus. Setelah ditebus, penebusan E-Baucar tidak dapat dikembalikan atau dibatalkan.
15. E-Baucar mestilah dipaparkan kepada juruwang di Stesen Shell yang berkenaan untuk pengesahan dan penebusan. E-Baucar asal dengan pautan langsung mesti dipaparkan dan pemberitahuan segera akan diedarkan kepada Pemegang Kad yang Layak setelah penebusan berjaya, tangkapan skrin E-Baucar tidak akan diterima.
16. Terma dan syarat E-Baucar adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Program Shell Fuel Voucher ("Shell T&S"). Sila kunjungi laman web Shell di [www.shell.com.my](http://www.shell.com.my) atau hubungi talian hotline di 1-300-88-1808, atau e-mel kepada [generalpublicenquiries-my@shell.com](mailto:generalpublicenquiries-my@shell.com).

#### **UMUM**

17. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak hendaklah:
  - a) bersetuju dan mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB yang boleh disemak dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**");
  - b) bersetuju semua rekod transaksi yang dirakamkan dalam sistem HLB untuk tujuan Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - c) bersetuju keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad yang Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyerurat tidak akan dilayani;
  - d) bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi tidak akan diambil kira dalam memenuhi syarat Perbelanjaan Kelayakan;
  - e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
  - f) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
  - g) bersetuju dan membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada pihak ketiga, Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (819292-U) sekiranya wajar bagi HLB untuk tujuan menghantar SMS dan mempromosikan Kempen ini.
  - h) Segala aduan atau percanggahan mengenai E-Baucar harus diselesaikan secara langsung antara pelanggan yang Layak dan Shell tanpa melibatkan HLB.
18. HLB berhak:

- a) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad yang Layak daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab yang sah dan wajar bagi HLB. Khususnya, mana-mana Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Kelayakan dari segi gaya atau pola yang HLB anggap luar biasa, aturan luar dan/atau percubaan untuk meraih kelebihan secara tidak adil ke atas Pemegang Kad Layak yang lain; dan
  - b) melupuskan dan/atau menarik balik E-Baucar apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Kelayakan, jika berkenaan, atau penamatan Kad HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian E-Baucar atau T&S di dalam ini yang tidak dipatuhi;
  - c) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang sesuai bagi HLB, dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad yang Layak.
19. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad yang Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
  20. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak hendaklah bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
  21. Selain terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka terma-terma tertentu dalam T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
  22. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.